



**JABATAN LAUT MALAYSIA
IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**



Tel : 603-3346 7777
Faks : 603-3168 5289
Laman Web : www.marine.gov.my

Ruj: IPL 6183- L(3)
Tarikh: 20 Oktober 2016

Pengarah Urusan
Merit Corona Sdn Bhd.
Unit A-18-01 Mercu Summer Suites
No.8 Jalan Cendana, Off Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Tel:03-26318502

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK SYARIKAT MERIT CORONA SDN BHD.
MENJALANKAN KERJA PEMERIKSAAN BAGI PIHAK JABATAN LAUT MALAYSIA**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas dan permohonan tuan bertarikh 8 September 2016.

2. Berdasarkan kepada semakan dokumen yang dikemukakan, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan tiada halangan bagi syarikat tuan untuk menjalankan kerja-kerja pemeriksaan kapal bagi pihak Jabatan Laut ke atas kapal-kapal berpendaftaran Malaysia dengan syarat-syarat sementara berikut:

- I. "Syarikat" bermaksud Merit Corona Sdn Bhd
- II. "Pemeriksa Kapal Ketiga" bermaksud individu yang telah diluluskan oleh Jabatan Laut Malaysia yang bertugas dengan syarikat sebagai pemeriksa kapal
- III. Hanya dibenarkan bagi kapal-kapal Malaysia bersaiz 1000 GTke bawah sahaja dan tidak dibenar menjalankan pemeriksaan terhadap kapal penumpang
- IV. Hanya pemeriksa kapal ketiga yang sedang berkhidmat dengan syarikat sahaja dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kapal-kapal berpendaftaran Malaysia

**"Ke Arah Negara Kelautan Elektronik"
"Towards e-Maritime Nation"**



Cert. No : MAS 101138 (A)

- V. Setiap pemeriksaan perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Kawalan Industri, Ibu Pejabat Laut sebelum ianya dilakukan. Prosedur bagi menjalankan pemeriksaan kapal perlu dipatuhi di mana setiap kali pihak syarikat ingin menjalankan pemeriksaan kapal, pemakluman berkenaan yang mengandungi butiran nama pemeriksa, nama kapal yang hendak diperiksa, tarikh dan tempat pemeriksaan dan jenis pemeriksaan hendaklah dikemukakan di dalam tempoh tidak kurang dari 3 hari bekerja sebelum pemeriksaan dijalankan
- VI. Kebenaran untuk menjalankan pemeriksaan kapal hanya bagi pemeriksaan tahunan sahaja. Pemeriksaan ini boleh dijalankan secara bersama dengan pemeriksa dari jabatan dan pihak Jabatan berhak membuat pemeriksaan semula ke atas kapal tersebut di atas apa jua sebab yang difikirkan sesuai. Pemeriksaan awalan dan pembaharuan sijil akan dijalankan oleh pihak Jabatan sahaja.
- VII. Pihak syarikat dibenarkan untuk menjadi jururunding bagi penyediaan dokumen dan pelan bagi tujuan pemeriksaan awalan dan pembaharuan sijil. Pelan mengawal kebakaran dan keselamatan perlu disediakan dalam dwi bahasa dan diterjemah oleh penterjemah yang ditauliah oleh Jabatan.
- VIII. Syarikat perlu ditauliah dengan ISO dan mempunyai sijil setelah 2 tahun bermula daripada tarikh surat kebenaran yang telah dikeluarkan.
- IX. Syarikat perlu bebas daripada sebarang kepentingan di dalam kapal yang diperiksa di mana mereka hendaklah bukan terdiri daripada pemilik kapal, penyewa kapal, pengurus kapal, pereka bentuk atau pengguna serta perlulah menjalankan tugas dengan bebas daripada tekanan dan pengaruh luar (Impartiality).
- X. Syarikat perlu mempunyai kod etika dan perlu membuktikan bahawa kod etika ini difahami dan diamalkan dalam semua peringkat organisasi.
- XI. Syarikat perlu mewujudkan aras kompetensi pemeriksa kapal dengan menyediakan prosidur serta program latihan yang bersesuaian bagi

memastikan pemeriksa kapal yang dilantik mempunyai tahap kompetensi yang bersesuaian serta mengekalkan aras kompetensi yang dimiliki.

- XII. Syarikat perlu menyediakan dokumen bagi menerangkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab, kompetensi dan hubungan antara personnel yang mempunyai pengaruh terhadap kualiti perkhidmatan.
- XIII. Syarikat perlu telus dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi. Segala maklumat yang diperlukan oleh flag state mengenai kapal yang diperiksa perlu dimaklumkan tanpa berselindung.
- XIV. Syarikat perlu mempunyai kaedah untuk mengawal dokumen-dokumen sulit dan terhad bagi mengelakkan daripada maklumat-maklumat penting dari bocor atau tersebar kepada pihak-pihak yang berkepentingan
- XV. Pihak Jabatan akan menjalankan pemeriksaan vertikal terhadap syarikat 3 tahun sekali atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu bagi memastikan segala keperluan antarabangsa dan kebangsaan dipatuhi.
- XVI. Pihak Jabatan berhak meminda, menambah atau membatalkan syarat-syarat yang dinyatakan pada bila-bila masa. Pihak tuan hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah dipinda atau ditambah di dalam tempoh 3 hari tetapi tidak lewat dari kerja pemeriksaan kapal yang seterusnya; dan
- XVII. Kerja pemeriksaan tertakluk kepada apa-apa arahan Ketua Pemeriksa Kapal-Kapal yang dikeluarkan dari masa ke semasa


3. Sila ambil maklum bahawa kebenaran ini bersifat sementara dan hanya sah di dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat ini atau sehingga satu tarikh yang ditetapkan jika ianya ditarik balik oleh pihak Jabatan.

4. Pihak Jabatan akan membuat pengauditan rasmi ke atas syarikat tuan di dalam tempoh kebenaran sementara ini untuk mengesahkan maklumat dokumen yang diserahkan oleh pihak tuan dan semua syarat-syarat yang atau akan ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO'HAZMAN BIN HUSSEIN)

b/p Ketua Pengarah Laut,
Jabatan Laut Malaysia

"Ke Arah Negara Kelautan Elektronik"
"Towards e-Maritime Nation"



Cert. No : MAS 101138 (A)